

ANTI VAKSIN: APAKAH NATIJAHLNYA KEPADA MASYARAKAT?

(*Anti Vaccine: What The Impact on Society?*)

Sohana Abdul Hamid

ABSTRAK

Di negara berpendapatan tinggi, penyakit yang dapat dicegah oleh vaksin telah banyak dikurangkan melalui rutin program suntikan. Walaupun kejayaan ini, banyak ibu bapa mempersoalkan, dan sekurang-kurangnya sedikit menolak vaksinasi untuk anak-anak mereka. Penolakan vaksinasi didapati mencerminkan pelbagai faktor termasuk gaya hidup keluarga; persepsi tentang badan kanak-kanak dan sistem imun; dirasakan risiko penyakit, keberkesanannya vaksin, dan kesan sampingan; dilihat kelebihan mengalami penyakit ini; pengalaman negatif terdahulu dengan vaksinasi; dan persekitaran sosial. Peningkatan ketara golongan anti vaksin, mereka yang menolak pemberian imunisasi kepada anak masing-masing adalah antara punca munculnya kembali penyakit cegahan vaksin ini. Antara sebab golongan itu menolak vaksin kononnya ia adalah agenda Yahudi untuk menghancurkan umat Islam sedangkan negara Israel sendiri turut memberi imunisasi kepada rakyat mereka. Selain itu, dakwaan kandungan di dalam vaksin itu diragui halal sudah dijawab oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) vaksin yang digunakan di Malaysia adalah halal. Malah, hujah golongan anti vaksin yang mengatakan bahawa imunisasi boleh menyebabkan kesan sampingan seperti autisme juga sudah dipatahkan apabila kajian yang menjadi rujukan mereka itu sebenarnya adalah tidak benar. Penerangan, dan bukti (practice based evidence) perlu didedahkan kepada golongan anti vaksin ini.

Kata Kunci: Anti vaksin, vaksinasi kanak-kanak, Imunisasi, membuat keputusan, kepercayaan

ABSTRACT

In high-income countries, vaccine-preventable diseases have been greatly reduced through routine injection programs. Despite this success, many parents questioned, and at least little refuse vaccination for their children. Vaccination denials were found to reflect various factors including the family lifestyle; perceptions about the body of the child and the immune system; perceived disease risk, vaccine efficacy, and side effects; seen the advantages of experiencing this disease; previous negative experiences with vaccination; and social environment. Significant increase in anti-vaccine groups, those who refuse to immunize their children are among the causes of re-emergence of the vaccine. The reasons for such rejection of the vaccine is that it is the Jewish agenda to destroy Muslims while the Israelis themselves are also immunizing the people them. In addition, the content of the vaccine in the vaccine is considered halal already answered by the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) and the Ministry of Health Malaysia (KKM) vaccine used in Malaysia is halal. In fact, the anti-vaccine argument that immunization can cause side effects such as autism have also been broken when

the references to their references are not true. Explanation and evidence (practice-based evidence) should be disclosed to the anti-vaccine.

Keyword: Anti-vaccine, childhood vaccination, immunization, decision-making, trust

PENDAHULUAN

Akhir-akhir ini orang ramai menjadi keliru dengan pemberian vaksin kepada anak-anak mereka. Kekeliruan ini berpunca dari kemudahcapaian maklumat melalui internet atau disebarluaskan oleh sesetengah pihak yang menentang segala bentuk ubatan moden. Orang ramai diberi maklumat yang tidak tepat menegenai vaksin. Terdapat juga sesetengah mereka mengaitkan sudut negatif hasil dari pemberian vaksin kepada gadis remaja, dimana pengambilan vaksin akan menggalakkkan seks bebas atau seumpamanya. Dalam kalangan ibu bapa tidak membenarkan anak mereka menerima vaksin juga yang berpendidikan tinggi dan mendapat akses maklumat berkenaan kesihatan yang agak terkini. Akses kepada maklumat tanpa kefahaman yang betul terhadap sesuatu bentuk rawatan, boleh menentukan sama ada mereka membantu mengurangkan atau menambahkan lagi statistik penyakit berjangkit. Dalam konteks ini ialah penyakit berjangkit cegahan vaksin.

Pemberian vaksin merupakan salah satu cara pencegahan penyakit atau salah satu cara kita berubat. Pencegahan penyakit ini juga termasuk dalam pembangunan komuniti atau masyarakat. Setiap ubat yang bermanfaat adalah diiktiraf oleh Islam, tidak terbatas kepada apa yang disebut dalam hadis sahaja. Masih ramai dalam kalangan masyarakat umum tidak mendapat maklumat tepat mengenai keperluan mengambil vaksin. Ada dalam kalangan mereka yang masih percaya bahawa sering kali vaksin menyebabkan kesan mudarat yang serius.

Kesan mudarat akibat maklumat yang salah mengenai vaksin juga diviralkan oleh sesetengah pihak dan ini sangat membimbangkan. Beberapa kes kematian juga dicatatkan di negara kita akibat tidak mengambil vaksin atau tidak mematuhi nasihat dos vaksin yang dicadangkan oleh pihak Kementerian Kesihatan. Penulis agak bimbang salah faham ini memberi kesan jangka pendek dan panjang sekiranya isu ini berterusan. Masih ada lagi sesetengah ibu bapa mengambil sikap tidak membenarkan anak mereka mengikuti program imunisasi ini. Akibatnya, anak mereka akan terdedah kepada pelbagai penyakit cegahan vaksin yang semakin menular. Penyakit cegahan vaksin itu termasuk tuberculosis, difteria, rubela, polio, campak, beguk dan lain-lain lagi.

Pencegahan penyakit-penyakit tersebut adalah amat penting untuk pembangunan komuniti. Pencerahan berkaitan vaksin perlu diberikan secara berterusan kepada masyarakat supaya masyarakat lebih prihatin tentang pencegahan penyakit bagi anak mereka.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kebimbangan penulis ini berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya baru-baru ini iaitu hampir 1,600 bayi dikesan tidak mendapatkan suntikan imunisasi pada 2016, manakala pada 2015, seramai 1,500 bayi di negara kita tidak mendapat suntikan vaksin. Beberapa tahun kebelakangan ini mencatatkan peningkatan kadar penyakit cegahan vaksin, sama ada di peringkat global maupun nasional. Sebagai contohnya, Malaysia mencatatkan 150 kali ganda peningkatan tiga penyakit cegahan vaksin kanak-kanak iaitu difteria, measles dan pertussis berbanding 10 tahun yang lalu (Berita Harian, 2016).

Sekalipun kadar pengambilan vaksin di negara kita keseluruhannya masih tinggi iaitu 95 peratus mengikut piawaian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), namun pola peningkatan

bayi yang tidak menerima suntikan perlu diberi perhatian. Salah faham mengenai suntikan vaksin, dan dipengaruhi oleh maklumat salah, menyumbang kepada penambahan statistik jumlah penyakit cegahan vaksin ini. Kalau dilihat laporan-laporan akhbar atau sekeliling kita, banyak kita dapat ramai kanak ditaska, disekolah banyak dijangkiti penyakit berjangkit seperti smallpox, diftheria dan lain-lain lagi.

Dalam konteks ini, ibu bapa terutamanya perlu mengambil inisiatif yang sepatutnya dan memastikan anak mereka mematuhi program imunisasi ini secara penuh. Mereka perlu memikirkan bahawa anak mereka akan membesar dalam kalangan masyarakat yang sangat terdedah terhadap penyakit berjangkit.

APAKAH VAKSIN?

Vaksin adalah sejenis agen yang bertindak untuk meransang sistem pertahanan badan bagi melawan bakteria atau virus yang menyerang manusia. Vaksin diperbuat dalam makmal yang terkawal rapi kebersihannya. Vaksin adalah sejenis bahan diperbuat dari agen bakteria yang telah dimatikan (killed), dilemahkan fungsi bahaya mereka atau bahan menyerupai toksin (toxoid) yang tidak merbahaya.

Terdapat banyak penyakit berjangkit yang boleh menyebabkan kecacatan mahupun kematian dikalangan kanak-kanak. Dengan adanya teknologi, vaksin telah dicipta. Suntikan vaksin ini diberi nama imunisasi. Imunisasi adalah cara yang paling efektif dalam mencegah dan mengurangkan penyakit berjangkit ini. Semua kanak-kanak berhak mendapat imunisasi yang lengkap.

KEPENTINGAN IMUNISASI

Imunisasi memberi faedah kepada kanak-kanak kerana dapat mengelak (preventif) daripada dijangkiti pelbagai penyakit berjangkit yang serius seperti Tuberculosis, Polio,campak dan sebagainya. Penyakit- penyakit ini boleh mengakibatkan kecacatan dan kematian. Kebanyakan penyakit berjangkit ini tidak mempunyai rawatan khusus dan boleh mengakibatkan kesan sampingan dan komplikasi yang teruk atau kekal. Imunisasi juga dapat mengelak kesengsaraan yang dialami oleh kanak-kanak dan juga ahli keluarga.

PERSOALAN KAJIAN

1. Adakah vaksin ini halal?
2. Adakah vaksin ini boleh menyebabkan lumpuh, Autism dan melemahkan sistem pertahanan badan.

KONTROVERSI IMUNISASI

Beberapa kontraversi imunisasi yang ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu berkaitan pemberian vaksin. Antaranya ada yang mengaitkan vaksin Campak, Beguk dan Rubella, Measles, Mumps,Rubella-MMR) dengan kejadian Autisma. Kenyataan Wakefield dalam beberapa jurnal terkenal telah mengubah persepsi masyarakat secara mendadak. Namun satu kajian besar-besaran telah dijalankan antara tahun1999 hingga 2007. Kajian ini mendapati bahawa teori Wakefield adalah tidak benar.Bukti saintifik tidak dapat mengaitkan kejadian Autisma dengan pemberian vaksin keatas bayi.Teorii Wakefield juga telah disangkalkan oleh penyelidik DE Stefano F, dimana beliau telah membuktikan bahawa tiada kajian kukuh yang

mengaitkan vaksin ini dengan autism. Terang Dr. Shih Gang, wujudnya golongan anti-vaksin ini disebabkan satu kajian yang diterbitkan dalam Journal Lancet dalam tahun 1998, yang mengatakan vaksin menyebabkan autisma kepada kanak-kanak namun kajian tersebut telah ditarik balik oleh jurnal tersebut kerana bersifat berat sebelah dan tidak berwibawa.

Sesetengah ahli agama berhujah dengan mengharamkan pemberian vaksin ini kepada anak-anak mereka. Alasan utama yang dikemukakan adalah kaedah pembuatan vaksin bersumberkan bahan yang haram. Ramai juga yang menolak vaksin ini kerana tidak mahu bendasing memasuki tubuh suci mereka. Kebanyakan mereka pasrah dengan sistem pertahanan semulajadi. Malah ramai diantara mereka berpandangan Malah ramai di antara mereka berpandangan ubat-ubat herba tertentu boleh meningkatkan sistem pertahanan badan. Ianya dikukuhkan dengan beberapa testimoni syarikat-syarikat jualan herba tertentu yang menentang vaksin ini.

Di Malaysia, terdapat ramai ibubapa muda yang terdiri dari jumlah penolakan vaksin dalam masyarakat semakin bertambah. Kerajaan menjalankan pelbagai diskusi, forum, laman web dan seumpamanya untuk menyedarkan ibubapa tentang kepentingan imunisasi. Ini adalah salah satu cara kerajaan jalankan untuk pembangunan komuniti di Malaysia.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menyedari ada dikalangan ibubapa yang agak khuatir dan ragu-ragu untuk memberikan suntikan vaksin atau imunisasi kepada bayi mereka ekoran daripada berita-berita dan khabar angin yang tersebar luas di media baru yang mengatakan bahawa vaksin mengandungi bahan-bahan haram dan membahayakan yang boleh mengancam kesihatan dan nyawa manusia. Semua berita yang tersebar ini dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dan sebenarnya boleh mendedahkan anak-anak dan masyarakat kita dengan kemungkinan dijangkiti penyakit-penyakit merbahaya yang boleh mengancam nyawa.

Para fugaha dan pengkaji muslim sentiasa membahaskan isu-isu yang berkaitan ketulinan vaksin. Sehingga Tarikh ini, tiada satu pun vaksin yang digunakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (Abdullah,S .2014) diragui proses pembuatannya bercampur dengan babi.Malah pengharusannya telah diwartakan oleh JAKIM melalui laman web mereka.

Vaksin tidak mengandungi bahan-bahan yang boleh merosakkan tubuh manusia. Ia mengandungi bahan aktif dari bakteria atau virus iaitu antigen yang membantu tubuh manusia menghasilkan antibody untuk melawan penyakit apabila dijangkiti. Kesan sampingan akibat imunisasi selalunya adalah ringan dan tidak merbahaya berbanding dengan kesan jangkitan penyakit itu sendiri. Dari aspek pandangam syarak pula, imunisasi merupakan satu jalan pencegahan. Pencegahan adalah perkara yang amat dituntut dalam Islam sesuai dengan kaedah Usul Fiqh. Buku Mausu'ah Huqua al-Insan fi al-Islam, yang ditulis oleh Al-'Aili Abdul Hakim, menyifatkan kesihatan idividu merupakan tuntutan agamma dan kehidupan, di mana ia akan memberi manfaat kepada kehidupan seluruh umat manusia. Dalam isu ini, vaksin bukan lagi merupakan kehendak seseorang, tetapi bahan pencegah ini kini menjadi keperluan kepada masyarakat secara umumnya.

Islam memang pada dasarnya menegah penggunaan ubat dari sumber yang haram untuk mengubati sesuatu penyakit berdasarkan hadis Rasullulah s.a.w yang berbermaksud “Sesungguhnya Allah telah menurunkan penyakit dan penawar, dan Dia telah menjadikan bagi tiap-tiap penyakit itu penawar, maka kamu semua berubatlah dan janganlah kamu semua berubat dengan (perkara-perkara) yang haram”. Dalam masa yang sama kita dikehendaki berikhtiar mendapatkan ubat yang telah terbukti kemujarabannya melalui kajian ilmiah. Menggabungkan kaedah perubatan melalui doa yang Rasullulah ajar dan ubatan adalah kaedah terbaik bagi seorang insan.

KESIMPULAN

Vaksinasi merupakan salah satu usaha pencegahan kepada penyakit-penyakit yang boleh dicegah oleh vaksin. Pengambilan vaksin merupakan sesuatu yang sangat ditekankan, terutamanya kepada golongan kanak-kanak memandangkan tahap imuniti badan mereka masih dalam proses pembinaan dan perlu diperkuatkan. Tambahan pula, pemberian suntikan vaksin kepada mereka sangat bergantung kepada kerjasama ibu bapa dalam menyokong Program Imunisasi Kebangsaan. Isu penolakan vaksin dalam kalangan ibu bapa sejak akhir-akhir ini amat membimbangkan kerana secara tidak langsung perkara tersebut telah menyebabkan jumlah kes beberapa penyakit cegahan vaksin di Malaysia semakin meningkat. Fenomena ibubapa enggan memberikan suntikan vaksin kepada anak-anak mereka diklinik-klinik adalah amat membimbangkan. Perbuatan ini bukan sahaja merbahayakan kepada anak-anak yang merupakan generasi masa depan kita, tetapi juga boleh menjadi punca merebaknya jangkitan penyakit-penyakit merbahaya tersebut. Ini merupakan satu cabaran kepada kita semua sebagai masyarakat atau komuniti perlu memberi perhatian kepada masalah tersebut kerana masalah ini melibatkan bukan sahaja seorang nyawa pesakit, malah satu komuniti atau populasi.

RUJUKAN

- Abdullah,.S.(2014). Vaksin untuk bayi anda. Mitos vs Realiti. Koperasi Amal Medik Malaysia Bhd. Kelantan.Malaysia.
- Ayob., A (2017). Beri kesedaran keperluan Vaksin. Rencana Berita Harian. Sabtu. 27 Mei 2017 Malaysia Peadiatric Association. Positive Parenting, Major Vaccines Breakthrough in History.2013.8.
- Berita Harian. (2016). 25 April. Tiga Penyakit Cegahan Vaksin Muncul Kembali, <http://www.moh.gov.my/>, dicapai 30 Mei 2016.
- Masri,.A.Musa.,S & Nasir.,M.,N (2015). War 36 Halal Vaksin di Malaysia, Menangani Kumpulan Anti Vaksin satu cabaran Masa Kini. World Academic Research Congress 2015 (World -AR 2015)
- Safari Muhammad. (2008). Makanan Ubahsuai Genetik: Satu Analisis Hukum. <https://kpkesihatan.com/2015/06/11/respon-kkm-terhadap-isu-homebirth-dan-anti-vaksin/><http://www.utusan.com.my/gaya-hidup/kesihatan/golongan-antivaksin-menjerat-anak1.122355#ixzz5BOA34tNy>
- Tengku Fatimah Azzahra Tengku Md Fauzi & Mohd Anuar Ramli. Penetapan Keperluan Vaksinasi Terhadap Kanak-kanak Oleh Pemerintah Menurut Perspektif Syarak. https://www.researchgate.net/publication/314443680_Penetapan_Keperluan_Vaksinasi_Terhadap_Kanak-kanak_Oleh_Pemerintah_Menurut_Perspektif_Syarak [accessed Nov 09 2018].

MAKLUMAT PENULIS

SOHANA ABDUL HAMID

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
sohana@kuis.edu.my